

Mula bertugas esok, umum butiran projek RMK-9 Selasa

P M berazam kerja kuat

Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**
dan **SAIFULZAM MOHAMAD**

SUBANG 15 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba di tanah air malam ini dari bercuti dan menjalani pembedahan kecil resdung di Australia, kelihatan sihat dan ceria serta berazam untuk bekerja kuat bagi menjayakan Wawasan 2020.

Berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang yang menunggu sejak pukul 6 petang bagi menyambut ketibaannya di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, Perdana Menteri berkata, beliau semakin sihat dan akan bekerja kuat bagi menjayakan wawasan yang telah digariskan itu demi kepentingan rakyat dan negara.

"Saya sudah sihat, batuk-batuk pun sudah hilang dan suara saya semakin kuat," katanya dengan ceria sambil disambut dengan sorakan "Hidup Pak Lah" daripada orang ramai yang berpusu-pusu untuk mendengar ucapannya.

Perdana Menteri yang tiba dengan jet eksekutif pada pukul 9 malam turut melahirkan rasa terkejut dengan sambutan yang begitu meriah diberikan oleh orang ramai yang membanjiri pangkalan udara itu.

"Saya mengucapkan terima kasih kerana rakyat mendoakan kesihatan saya. Sebenarnya saya amat terkejut dengan sambutan yang sebegini hebat," ujarnya.

Abdullah berkata, beliau bersyukur kerana sepanjang ketiadaannya di dalam negara sejak 29 Jun lalu untuk menjalani pembedahan kecil di Perth, Australia, negara berada dalam keadaan aman dan pentadbiran kerajaan berjalan lancar.

"Saya menerima laporan dari semasa ke semasa mengenai perjalanan pentadbiran negara melalui pejabat konsul kita di Australia terutama mengenai pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) daripada menteri-menteri Kabinet.

"Saya dimaklumkan oleh rakan-rakan (menteri-menteri Kabinet) dan Najib (Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak) mengenai kelancaran pentadbiran kerajaan," katanya.

Menurut Abdullah, beliau berpuas hati dengan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh timbalannya dan menteri-menteri Kabinet lain.

Perdana Menteri berkata, beliau akan memulakan tugas Isnin ini dan akan mengumumkan pelaksanaan projek-projek di bawah RMK-9 pada keesokan harinya.

Dalam pada itu, Abdullah yang juga Presiden UMNO turut berpuas hati dengan kelancaran perjalanan mesyuarat UMNO peringkat cawangan.

Katanya, beliau dimaklumkan di sesetengah tempat, UMNO cawangan telah mula mengadakan mesyuarat dan esok, cawangannya di bahagian, Kepala Batas pula akan mengadakan mesyuarat tahunan.